

CABARAN PEMBELAJARAN DARI RUMAH: TINJAUAN KE ATAS PELAJAR KOLEJ KOMUNITI BEAUFORT

THE CHALLENGES OF LEARNING FROM HOME: AN OVERVIEW OF BEAUFORT COMMUNITY COLLEGE STUDENTS

Siti Norazian Miskam¹

Siti Wahidah Arris²

Dicky Wiwittan Toto Ngadiman³

¹Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Beaufort, Malaysia (Email: snorazian.plpskkbeaufort@gmail.com)

²Program Teknologi Elektrik, Kolej Komuniti Beaufort, Malaysia (Email: swa4566@gmail.com)

³Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu, Malaysia (Email: dicky@polikk.edu.my)

Article history

Received date : 25-8-2021
Revised date : 26-8-2021
Accepted date : 6-10-2021
Published date : 15-10-2021

To cite this document:

Miskam S.N, Arris S.W & Dicky W.T.N (2021). Cabaran Pembelajaran Dari Rumah: Tinjauan Ke Atas Pelajar Kolej Komuniti Beaufort. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(12), 50 - 59.

Abstrak: Pembelajaran dari rumah iaitu secara atas talian merupakan pendekatan baru yang digunakan oleh hampir semua institusi pendidikan masa kini bersesuaian dengan situasi Pandemik Covid- 19 yang sedang melanda dunia. Namun begitu beberapa aspek perlu diteliti bagi mengetahui apakah cabaran sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Kajian ini dijalankan bagi meninjau cabaran tahap pembelajaran dari rumah ke atas pelajar Kolej Komuniti Beaufort, Sabah (KKBS). Responden kajian ini terdiri daripada 103 orang pelajar dari Kolej Komuniti Beaufort, Sabah yang terdiri adalah daripada program-program yang ditawarkan di KKBS iaitu Program Kulinari, Program Operasi Perhotelan dan Program Teknologi Elektrik. Teknik pensampelan mudah digunakan bagi mengumpul data. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi 20 item soalan dan dibina melalui Google Form. Soalan kajian ini diedarkan menggunakan medium WhatsApp rasmi pelajar. Analisis kajian ini menggunakan Perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) V.22 untuk mendapatkan nilai skor min. Hasil kajian menunjukkan item kekurangan akses internet yang mencukupi menjadi cabaran utama kepada pelajar sepanjang belajar dari rumah (BDR) dengan skor min sebanyak 2.78, dan cabaran kedua tertinggi dihadapi pelajar adalah aspek penumpuan lebih untuk pembelajaran dalam talian dengan bacaan skor min kedua iaitu 2.71. Walau bagaimanapun, kesemua hasil item penilaian menunjukkan cabaran pembelajaran dari rumah di kalangan pelajar KKBS berapa pada tahap yang rendah. Dapatan kajian ini membolehkan pihak institusi, jabatan dan kementerian merancang dan menyediakan pelan tindakan yang bersesuaian mengikut keperluan pelajar bagi mengelakkan isu-isu negatif yang boleh membawa kepada ketidakcapaian hasil pembelajaran dan masalah sendiri pelajar berlarutan dengan lebih parah.

Kata Kunci: Cabaran Pembelajaran, Belajar dari Rumah, Covid-19, Kolej Komuniti Sabah.

Abstract: *Learning from home which is online class is a new approach used by almost all educational institutions today in accordance with the situation of the Covid-19 Pandemic that is plaguing the world. However, several aspects need to be examined to find out what the real challenges faced by students. This study was conducted to examine the challenges of the level of learning from home on students of Beaufort Community College, Sabah (KKBS). The respondents of this study consisted of 103 students from Beaufort Community College, Sabah which consists of the programs offered at KKBS, namely the Culinary Program, Hospitality Operations Program and Electrical Technology Program. Simple sampling techniques are used to collect data. The research instrument used was a questionnaire form containing 20 question items and constructed through Google Form. The research questions were distributed using the students' official WhatsApp medium. The analysis of this study used Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) V.22 software to obtain the mean score value. The results showed that the item lack of adequate internet access was the main challenge to students throughout learning from home (BDR) with a mean score of 2.78, and the second highest challenge faced by students was the aspect of more concentration for online learning with a second mean score of 2.71. However, all the results of the evaluation items show that the challenge of learning from home among KKBS students is at a low level. The findings of this study enable institutions, departments and ministries to plan and prepare appropriate action plans according to the needs of students to avoid negative issues that can lead to non-achievement of learning outcomes and students' self-problems persist more severely.*

Keywords: *Learning Challenges, Learning from Home, Covid-19, Sabah Community College.*

Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah mengubah landskap pendidikan di seluruh dunia (Dhawan, 2020) daripada kaedah pembelajaran secara konvensional iaitu bersemuka kepada pembelajaran dalam talian berteraskan teknologi. Dalam situasi mencabar ini, semua institusi pendidikan di seluruh dunia terkesan dan telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) sehingga arahan melaksanakan pembelajaran dari rumah secara dalam talian dikeluarkan disebabkan berkuat kuasanya arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan. Banyak kekangan pembelajaran telah dinyatakan dalam pelbagai kajian (Muilenburg & Berge, 2005) yang menyokong apabila berlakunya musibah maka pelbagai isu akan berlaku seperti isu pentadbiran, interaksi sosial, kemahiran akademik, kemahiran teknikal, motivasi pelajar, masa, sokongan untuk pengajian, kos dan akses internet, serta masalah ruang belajar yang sesuai. Selain itu, Muilenburg dan Berge (2005) turut menyenaraikan senarai halangan dalaman yang boleh mengganggu keberkesanan pembelajaran dalam talian adalah jantina, umur, etnik, jenis institusi pembelajaran, penilaian sendiri kemahiran belajar dalam talian, keberkesanan pembelajaran dalam talian, keseronokan pembelajaran dalam talian, perlakuan prejudis di kelas tradisional, dan bilangan kursus yang diambil secara dalam talian.

Selain itu, terdapat beberapa halangan luaran yang boleh mengganggu kelancaran proses Belajar Dari Rumah (BDR). Halangan dari segi luaran boleh dilihat dari segi kekurangan alat bantu mengajar (ABM), gajet yang bersesuaian dan akses internet yang disebabkan oleh faktor ekonomi atau logistik. Halangan ini merupakan masalah utama di kawasan luar bandar atau pelajar yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah. Sebilangan pelajar terpaksa mengeluarkan kos yang besar untuk membeli gajet dan kemudahan data internet yang baik. Hasil kajian Ismail et al. (2020), Quah (2020) dan Basar (2021) menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak bersedia untuk pembelajaran dalam talian disebabkan cabaran utama yang dihadapi iaitu kekurangan peralatan, akses internet yang rendah, persediaan minda untuk

mengubah kaedah pembelajaran dari rumah secara dalam talian dan ruang belajar yang lebih kondusif. Masalah ini memerlukan usaha bersepadu banyak pihak dalam menyediakan fasiliti yang baik agar manfaat pembelajaran secara dalam talian dapat diaplikasikan sebaiknya sama seperti kemudahan dalam pembelajaran fizikal secara bersemuka (Yuhanna et al 2020). Keadaan ini memerlukan setiap institusi bersedia dengan tahap kesiapsiagaan yang tinggi agar pelajar dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran pembelajaran ini terutama dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 ini (Habibah et al, 2020). Selain itu, institusi juga harus menyediakan pelan tindakan dan rancangan kontingensi bersesuaian bagi menangani cabaran dalam menguruskan PdP apabila berlakunya pandemik atau bencana alam (Seville et al., 2012) khususnya yang membabitkan para pelajar.

Disebabkan BDR secara dalam talian adalah pengalaman baru bagi sebilangan institusi pendidikan seperti KKBS, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana cabaran yang dihadapi oleh pelajar. Senario semasa mendapati sukar untuk mengenal pasti langkah atau tindakan yang perlu diambil bagi memperkemas pembelajaran dalam talian dalam membantu pelajar-pelajar yang bermasalah. Tidak dinafikan, setiap institusi mempunyai cabaran tersendiri dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian disebabkan majoriti pelajar tinggal di luar bandar dan pedalaman serta tidak mempunyai liputan internet yang baik dengan kos yang tinggi (Adedoyin, Soykan, 2020 & Saminathan, 2020). Walaupun pelajar sebelum ini telah biasa menggunakan alat elektronik seperti android dan komputer yang disambungkan ke internet semasa belajar di kelas atau membuat penilaian dalam talian, tetapi pelaksanaan BDR secara dalam talian dalam masa yang lama ketika pandemik ini adalah merupakan kali yang pertama dan secara tiba-tiba. Secara umumnya, dengan kemudahan infrastruktur yang terhad, kemampuan dan latar belakang pensyarah, sosioekonomi keluarga pelajar dan keadaan geografi KKBS, pelaksanaan BDR dalam talian adalah satu cabaran yang baru. Masalah yang dihadapi oleh pelajar ini sekiranya tidak dapat diatasi lebih awal, mungkin akan menyebabkan kegagalan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dengan baik dan akan menimbulkan isu-isu yang lain. Justeru dengan mengenal pasti masalah atau cabaran yang dihadapi oleh pelajar akan membantu institusi merangka satu bentuk pelan tindakan bagi membantu kumpulan pelajar yang terkesan ini.

Kajian Literatur

Internet telah menjadi salah satu medium penting dalam menyediakan sumber untuk penyelidikan dan pembelajaran bagi guru dan pelajar untuk berkongsi dan memperoleh sebarang maklumat (Richard & Haya 2009). E-pembelajaran berasaskan teknologi merangkumi penggunaan internet bersama alatan teknologi penting lain untuk menghasilkan bahan untuk belajar, bahan pengajaran pensyarah, dan juga sumber kandungan kursus dalam organisasi (Fry, 2001). Terdapat perdebatan luas mengenai definisi umum istilah e-pembelajaran. Rossi (2009) mendefinisikan e-pembelajaran satu kaedah yang merangkumi pelbagai aplikasi, kaedah dan proses pembelajaran. Menurut Koran (2002) & Michael (2013) menyatakan e-pembelajaran merupakan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan litar elektronik (LAN, WAN, atau internet) untuk menyampaikan kandungan pembelajaran, interaksi, atau bimbingan kepada pelajar. Pembelajaran ini dipanggil e-pembelajaran yang berasal daripada perkataan elektronik dan e-pembelajaran bermaksud pelajar belajar menggunakan peralatan elektronik. Stockley (2010) dalam Chaeruman (2013) mentakrifkan e-pembelajaran sebagai penyampaian program pembelajaran, latihan atau pendidikan dengan kaedah elektronik seperti komputer atau alat elektronik yang lain seperti telefon bimbit untuk memberi latihan atau pendidikan. Stockley menegaskan bahawa perkataan "e" merujuk kepada penggunaan kaedah elektronik untuk belajar. Secara keseluruhannya, pembelajaran dalam talian adalah satu medium pembelajaran yang menggunakan perkhidmatan teknologi elektronik iaitu media digital dan rangkaian

komputer dalam kaedah PdP di mana bahan pembelajaran disimpan di dalam komputer dan boleh dicapai oleh pensyarah dan pelajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

BDR secara dalam talian adalah satu proses pembelajaran yang dilaksanakan di rumah di antara pelajar dan pensyarah. Pelaksanaan BDR ini diharapkan dapat memutuskan rantaian penyebaran penyakit Covid-19. Semasa BDR pelajar digalakkan untuk terus melakukan semua aktiviti pembelajaran di rumah dengan mengamalkan cara hidup sihat dan selamat dengan menjaga jarak dari orang lain (penjarakan fizikal) dan mengelakkan orang ramai dengan mengamalkan penjarakan Sosial (Harian, 2020). Corak pembelajaran semasa BDR adalah berbeza dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebelum ini yang dilakukan secara bersemuka di mana pensyarah dan pelajar boleh berjumpa secara langsung semasa sesi PdP. Semasa menjalani BDR, pelajar perlu cekap menguruskan masa belajar masing-masing dengan tahap disiplin pembelajaran sendiri yang tinggi memandangkan BDR dilakukan dari jarak jauh, tiada pengawasan langsung pensyarah, dan secara dalam talian dengan bantuan media elektronik dan berbantuan internet (Gillett-Swan, 2017). Selain itu, BDR mesti disokong dengan kaedah pembelajaran, sumber pembelajaran dalam bentuk buku dan digital serta peranan aktif ibu bapa di rumah bagi memastikan keberkesanannya (Prasetyaningtyas, 2020).

Namun begitu, terdapat banyak cabaran yang dibincangkan dalam kajian lepas mengenai pelaksanaan e-pembelajaran ini. Antaranya ialah kemampuan untuk mendapatkan maklum balas segera antara pelajar dan pensyarah disebabkan kurangnya interaksi secara langsung semasa proses pembelajaran dalam talian ini berlangsung selain kesukaran melaksanakan penilaian pembelajaran (Anderson, 2004). Masalah seperti masalah teknikal, masalah mengendalikan alatan teknologi, pencapaian objektif hasil pembelajaran, penggunaan media baru dengan memasukkan aplikasi multimedia dan keberkesanan penilaian telah dikenalpasti menjadi penghalang dalam persekitaran e-pembelajaran (Boyles, 2011; Fahy, 2004; Jaques & Salmon, 2007). Hasil kajian Ismail et al., (2020) juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak bersedia untuk menghadapi pelaksanaan pembelajaran dalam talian disebabkan cabaran utama yang dihadapi adalah akses internet yang rendah untuk membolehkan mereka belajar dalam talian. Penemuan dari kajian ini perlu diambil perhatian serius oleh pihak institusi agar keputusan yang tepat dan berkesan dapat dirancang dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Kajian ini dijalankan di salah satu Institusi Pengajian Tinggi di Sabah iaitu di Kolej Komuniti Beaufort, Sabah (KKBS). Seramai 103 pelajar KKBS terlibat dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan teknik pensampelan mudah. Instrumen yang digunakan untuk memungut data adalah borang soal selidik yang diedarkan secara Google Form menggunakan medium WhatsApp rasmi pelajar. Kajian ini menggunakan Perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) V.22 untuk menjalankan analisis deskriptif iaitu mendapatkan skor min. Item-item kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Interpretasi skor min yang diperolehi adalah berdasarkan kepada tafsiran Syed Najmuddin (2009) sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 1: Item Kajian

Kod item	Item kajian
C01	Bahan atau nota pembelajaran tidak selalu dihantar tepat pada masanya
C02	Pensyarah tidak kreatif mengajar secara dalam talian
C03	Arahan pensyarah yang jelas dalam pembelajaran dalam talian
C04	Kekurangan maklum balas dari pensyarah
C05	Sukar berhubung dengan pensyarah
C06	Latihan yang diberikan yang tidak mencukupi
C07	Kekurangan interaksi / komunikasi di kalangan pelajar
C08	Lemah berkomunikasi untuk pembelajaran dalam talian
C09	Rasa malu atau kurang yakin untuk pembelajaran dalam talian
C010	Komputer atau telefon pintar yang ada tidak sesuai dengan pembelajaran dalam talian
C011	Takut kaedah pembelajaran yang berbeza-beza digunakan untuk belajar dalam talian
C012	Kekurangan motivasi peribadi untuk pembelajaran dalam talian
C013	Perlu tumpuan lebih untuk pembelajaran dalam talian
C014	Persekitaran pembelajaran dalam talian tidak memotivasikan
C015	Pembelajaran dalam talian mengganggu masa peribadi saya
C016	Kekurangan sokongan daripada keluarga dan rakan
C017	Gangguan yang ketara semasa belajar di rumah
C018	Masa belajar tidak mencukupi untuk pembelajaran dalam talian
C019	Kekurangan akses internet yang mencukupi
C020	Kos pembelajaran dalam talian terlalu banyak

Jadual 2: Penentuan Tahap Berdasarkan Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00– 1.99	Lemah
2.00– 2.99	Rendah
3.00– 3.99	Sederhana
4.00– 5.00	Tinggi

Sumber: Syed Najmuddin et al. (2009)

Hasil Kajian

- a) Analisis demografi responden

Jadual 3: Demografi Responden

	Item	N	%
Jantina	Lelaki	60	58.3
	Perempuan	43	41.7
Program	Sijil Kulinari (SKU)	64	62.1
	Sijil Operasi Perhotelan (SOP)	8	7.8
	Sijil Teknologi Elektrik (SKE)	31	30.1
Semester	1	24	23.3
	2	42	40.8
	3	37	35.9
Kediaman	Berhampiran bandar	34	33.0
	Dalam bandar	17	16.5
	Luar bandar	47	45.6
	Terpencil	5	4.9
Sumber kewangan	Biasiswa	15	14.6
	Biasiswa dan ibu bapa	32	31.1
	Ibu bapa	48	46.6
	Tiada sumber	8	7.8
Pendapatan bulanan ibu bapa (RM)	1,000.00	49	47.6
	2,000.00	20	19.4
	3,000.00	9	8.7
	4,000.00	9	8.7
	5,000.00	7	6.8
	6,000.00	2	1.9
	7,000.00	1	1.0
	8,000.00	2	1.9
	10,000.00	4	3.9

Berdasarkan Jadual 3, jumlah responden kajian adalah seramai 103 orang pelajar yang terdiri daripada 60 orang pelajar lelaki (58.3%) dan 43 org pelajar perempuan (41.7%). Mereka ini adalah daripada tiga program berbeza yang ditawarkan di Kolej Komuniti Beaufort. Majoriti pelajar adalah dari Program Sijil Kulinari iaitu sebanyak 64 orang (62.1%), diikuti dengan program Sijil Teknologi Elektrik 31 orang (30.1%) dan Sijil Operasi Perhotelan seramai 8 orang (7.8%). Responden dari semester 2 merupakan bilangan yang paling ramai menjawab soal selidik iaitu seramai 42 orang diikuti dengan semester 3 seramai 37 orang dan 24 orang bagi pelajar semester 1. Berdasarkan kepada kawasan kediaman, kebanyakan pelajar tinggal di kawasan luar bandar iaitu seramai 47 orang iaitu mewakili 45.6%. Pelajar yang tinggal berhampiran bandar pula adalah seramai 34 orang iaitu 33%. Bagi pelajar yang tinggal di bandar pula hanya 17 orang sahaja dengan 16.5% dan selebihnya seramai 5 orang (4.9%) tinggal di kawasan terpencil.

Sumber kewangan utama pelajar Kolej Komuniti Beaufort ialah daripada ibu bapa sendiri iaitu sebanyak 48 orang dengan 46.6%. Manakala 32 orang pelajar (31.1%) menggunakan sumber kewangan daripada ibu bapa dan biasiswa. Selebihnya seramai 15 orang (14.6%) bergantung kepada sumber biasiswa sahaja dan seramai 8 orang (7.8%) tiada sumber pendapatan. Anggaran pendapatan bulanan ibu bapa pelajar KKBS kebanyakannya adalah sebanyak RM1,000.00 iaitu mewakili 47.6%. Seterusnya seramai 20 orang ibu bapa pelajar yang berpendapatan RM2,000.00 (19.4%). Bagi anggaran pendapatan ibu bapa di antara RM3,000.00 dan RM4,000.00 pula adalah masing-masing seramai 9 orang. Hanya seorang saja pelajar yang mempunyai ibu bapa berpendapatan RM700.00 sebulan. Pendapatan ibu bapa paling tinggi iaitu anggaran sebanyak RM10,000.00 adalah seramai 4 orang pelajar (3.9%).

b) Analisis item kajian

Jadual 4: Analisis Skor Min Bagi Tahap Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Belajar Dari Rumah Secara Dalam Talian Di Rumah

Kod item	Sisihan piawai	Skor min	Status tahap
CO1	1.00	2.27	Rendah
CO2	0.95	1.86	Lemah
CO3	0.97	2.05	Rendah
CO4	0.96	1.97	Lemah
CO5	1.07	2.16	Rendah
CO6	0.93	1.93	Lemah
CO7	1.11	2.45	Rendah
CO8	1.16	2.42	Rendah
CO9	1.12	2.42	Rendah
CO10	1.04	2.13	Rendah
CO11	1.14	2.38	Rendah
CO12	1.13	2.38	Rendah
CO13	1.23	2.71	Rendah
CO14	1.14	2.46	Rendah
CO15	1.00	2.13	Rendah
CO16	1.00	2.06	Rendah
CO17	1.15	2.49	Rendah
CO18	0.99	2.25	Rendah
CO19	1.32	2.78	Rendah
CO20	1.19	2.49	Rendah
Purata		2.29	Rendah

Jadual 4 menunjukkan 20 Item kajian yang telah dianalisis bagi mengenal pasti jenis-jenis cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang BDR secara dalam talian. Item yang memperoleh skor paling tinggi adalah item CO19 iaitu 'Kekurangan akses internet yang mencukupi' dengan nilai 2.78, item yang memperoleh skor kedua tertinggi adalah CO13 iaitu 2.71 dengan 'Perlu tumpuan lebih untuk pembelajaran dalam talian', manakala item yang memperoleh skor paling rendah adalah item CO2 iaitu 1.86 'Pensyarah tidak kreatif mengajar secara dalam talian' dan kedua terendah ialah 'Latihan yang diberikan yang tidak mencukupi' dengan skor min 1.93.

Keseluruhannya, kesemua tafsiran skor min bagi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang BDR secara dalam talian ini berada dalam status tahap rendah.

Perbincangan dan Kesimpulan

Kaedah pembelajaran dalam talian telah lama diperkenalkan dan dilaksanakan di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) yang banyak menawarkan program Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ) bermula sejak tahun 1970-an lagi. Namun kaedah ini tidak diberi penekanan dan penguatkuasaan untuk dilaksanakan secara menyeluruh bagi semua program pengajian di IPT sehingga pandemik Covid-19 melanda dunia pada tahun 2020. Kini, kaedah BDR secara dalam talian menjadi norma baharu yang menuntut semua pensyarah dan pelajar untuk terlibat secara aktif bagi memastikan objektif pembelajaran kursus tercapai. Pelaksanaan ini telah mendapat banyak reaksi dan maklum balas dari semua pihak yang membentangkan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pihak institusi, pendidik dan pelajar seperti masalah talian dan data internet, kesediaan pensyarah dan pelajar untuk menghadapi pembelajaran dalam talian, fasiliti belajar yang mencukupi dan kondusif, pengurusan masa dan sendiri pembelajaran pelajar, motivasi, kewangan, emosi dan pelbagai cabaran lain (Azizan & Nasri, 2020). Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar KKBS sepanjang BDR secara dalam talian adalah di tahap rendah dengan purata min yang diperoleh adalah 2.29.

Dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar KKBS tidak menghadapi masalah dan cabaran tinggi dalam BDR secara dalam talian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Pelajar dilihat bersedia dengan kaedah pembelajaran dalam talian, mempunyai data dan talian internet yang baik, mampu fokus semasa PdP dilaksanakan selain pensyarah di KKBS sentiasa bersedia dengan pelbagai kaedah pengajaran, kreatif dalam mengajar bagi menarik perhatian pelajar, memberi penilaian yang mencukupi dan sentiasa memberi maklum balas segera kepada persoalan pelajar. Keberkesanan tahap pelaksanaan e-pembelajaran dalam proses PdP di kalangan pensyarah dapat dicapai apabila pensyarah sendiri sentiasa memainkan peranan semasa proses PdP berlangsung dengan menjadi pemudahcara kepada pelajar agar proses penerimaan pembelajaran oleh pelajar berjalan dengan lancar (Miskam, et.al., 2020 & Hamat, at.al, 2020).

Selain itu, pelajar KKBS juga dilihat mempunyai kemudahan peranti dan data internet yang baik yang menyebabkan mereka selesa dan dapat memberikan fokus yang baik semasa tempoh PdP berlangsung. Faktor ini disokong dengan pelbagai bantuan yang disalurkan kepada pelajar oleh pihak institusi, kementerian dan kerajaan menerusi program prihatin rakyat, eBelia, dan PEMERKASA yang memberikan kredit percuma dan data internet percuma kepada pelajar. Hasil kajian Mesman & Majid (2021) mendapati pelajar dilihat bersedia mengikuti pembelajaran dalam talian jika terdapat sokongan yang baik dari segi kelengkapan peralatan peranti dan kemudahan internet dan sokongan dari aspek kemudahan fizikal seperti laptop, komputer dan sebagainya. Faktor motivasi dan fokus pelajar semasa sesi PdP juga didapati tidak mengganggu pelajar KKBS semasa melaksanakan BDR disebabkan pelajar mempunyai matlamat secara konsisten demi mencapai kejayaan cemerlang dalam akademik selain didorong dengan matlamat untuk membantu keluarga apabila cita-cita saya tercapai kelak (Arris, et.al, 2021). Ini membuktikan apabila semua bentuk sokongan, bantuan dan inisiatif yang diperlukan oleh pelajar dipenuhi, maka masalah dan cabaran dalam melaksanakan BDR secara dalam talian dapat ditangani dan diselesaikan dengan baik sehingga proses PdP dapat dilaksanakan dapat mencapai objektifnya sama seperti pembelajaran secara bersemuka (Yahaya & Adnan, 2021).

Oleh sebab itu, bagi memastikan pelajar mendapat manfaat pembelajaran dalam talian semasa BDR, usaha bersepadu dari banyak pihak diperlukan untuk memastikan semua fasiliti dan keperluan dapat dirancang agar fasiliti dapat disediakan sama seperti kaedah PdP secara bersemuka. Penciptaan bahan kandungan kursus yang interaktif dan menarik selain menggunakan pelbagai kaedah PdP perlu diaplikasikan agar pelajar sentiasa bersemangat untuk menjalani sesi pembelajaran. Selain itu, sokongan ibu bapa, institusi dan kementerian dari segi penyediaan fasiliti, peranti dan kemudahan internet yang baik perlu dititikberatkan agar suasana pembelajaran kondusif dapat diwujudkan lebih-lebih lagi pelaksanaan tempoh PKP ini dilihat masih tidak menentu dan mungkin mengambil masa yang lebih lama. Pelajar disarankan untuk bersedia menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan corak PdP baharu yang lebih fleksibel dan berani mencuba pelbagai aplikasi teknologi semasa agar hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh pelajar.

Rujukan

- Adedoyin, O. B., & Soykan, E. (2020). *Covid-19 Pandemic and Online Learning: The Challenges and Opportunities. Interactive Learning Environments*, 1-13.
- Arris, S. W., Miskam, S. N., & Osman, Z. (2021). Pandemik COVID-19: Tahap Motivasi Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Beaufort, Sabah (KKBS). *The International Conference on Research In Engineering And Social Science 2021 (iRes'21)*. Melaka: Politeknik Melaka.
- Azizan, S. N. C., & Nasri, N. M. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Basar, A. M. (2021). Problematika Pembelajaran Jarak Jauh Pada Masa Pandemi Covid-19: (Studi Kasus di SMPIT Nurul Fajri–Cikarang Barat–Bekasi). *Edunesia: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 2(1), 208-218.
- Dhawan, S. (2020). *Online Learning: A Panacea In The Time Of COVID-19 Crisis. Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5-22.
- Dublin, L. (2003). *If you only look under the street lamps... or nine E-learning myths. The e-Learning developer's journal*, 1-7.
- Gillett-Swan, J. (2017). *The Challenges Of Online Learning: Supporting And Engaging The Isolated Learner. Journal of Learning Design*, 10(1), 20-30.
- Habibah, R., Salsabila, U. H., Lestari, W. M., Andaresta, O., & Yulianingsih, D. (2020). Pemanfaatan Teknologi Media Pembelajaran Di Masa Pandemi Covid-19. *Trapsila: Jurnal Pendidikan Dasar*, 2(02), 1-13.
- Hamat, M., Mahlan, S. S., & Eng, C. P. (2020). Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya. *SIG: e-Learning@CS* (pp. 23-30). Pulau Pinang: Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang.
- Harian, B. (2020). Guna Istilah Penjarakan Fizikal Untuk COVID-19. Kuala Lumpur. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716732/guna-istilah-penjarakan-fizikal-untuk-covid-19>
- Ismail, N., Mazlina, N., Wafa, S., Syed, W., Wafa, S., & Thompson, J. (2020). *Online Learning Challenges During Pandemic COVID-19 In Malaysian Higher Learning Institution. Universal Journal of Educational Research*, 8(12), 7151-7159.
- Koran, J. K. C. (2002). Aplikasi Pembelajaran dalam talian dalam Pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Malaysia. 8 November 2002
- LePine, J. A., LePine, M. A., & Jackson, C. L. (2004). *Challenge And Hindrance Stress: Relationships with Exhaustion, Motivation to Learn, And Learning Performance. Journal of applied psychology*, 89(5), 883.

- Mesman, N. S., & Majid, Z. A. (2021). Kajian Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 195-202.
- Michael, A. (2013). Michael Allen's Guide to Pembelajaran dalam talian. *Canada: John Wiley & Sons*.
- Miskam, S. N., Huat, L. Y., & Ismail, S. (2020). Tahap Pelaksanaan E-Pembelajaran Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Beaufort. *E Proceedings 10th National Conference In Education - Technical & Vocational Education* (Pp. 1117-1123). Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (Jppkk), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Muilenburg, L. Y., & Berge, Z. L. (2005). *Student barriers to online learning: A factor analytic study. Distance education*, 26(1), 29-48.
- Prasetyaningtyas, S. (2020). Pelaksanaan Belajar Dari Rumah (BDR) secara Online selama Darurat Covid-19 di SMPN 1 Semin. *Jurnal Karya Ilmiah Guru*, 5(1), 86-94.
- Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Beaufort. *E Proceedings 10th National Conference In Education - Technical & Vocational Education* (Pp. 1117-1123). Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (Jppkk), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Quah, W. B. (2020). Pandemik Covid-19: Mempercepatkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (PDPDT) Di Kolej Komuniti: Isu & Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pensyarah Dan Pelajar. *In book: TVET Think Big V4* (pp. 199-209). Kedah: Kolej Komuniti Bandar Darulaman.
- Rossi, P. (2009). Learning environment with elements of artificial intelligence. *Journal of e-Learning and Knowledge Society*, 5(1), 191-199.
- Saminathan, V. (2020). Problems Of Online Classes. *International Journal of Academic Research Reflector Vol. 9, No.6*, 1-3. <https://doi.org/10.6084/m9.figshare.13573550.v1>
- Syed Najmuddin Et Al. 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.
- Yahaya, M., & Hayat Adnan, W. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, 14, 11-20.
- Yuhanna, I., Alexander, A., & Kachik, A. (2020). Advantages and disadvantages of Online Learning. *Journal Educational Verkenning*, 1(2), 13-19.